



20 Mac 2025
20 March 2025
P.U. (A) 85

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

UNDANG-UNDANG KECIL JALAN,
PARIT DAN BANGUNAN
(PENGGOMPAUNAN KESALAHAN)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2025

*STREET, DRAINAGE AND BUILDING
(COMPOUNDING OF OFFENCES)
(FEDERAL TERRITORY OF LABUAN) BY-LAWS 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], dibaca bersama Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) 2010 [*P.U. (A) 394/2010*], Menteri membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Jalan, Parit dan Bangunan (Pengkompaunan Kesalahan) (Wilayah Persekutuan Labuan) 2025**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 2 Mei 2025.

Kesalahan yang boleh dikompaun

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang boleh dikompaun itu boleh dikompaun dengan keizinan Pendakwa Raya secara bertulis dalam Borang 1 Jadual Kedua.

Tatacara mengkompaun

3. (1) Apabila menerima apa-apa maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompaun telah dilakukan, Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Perbadanan Labuan boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengeluarkan suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah sah bagi tempoh empat belas hari bermula dari tarikh tawaran itu diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat atau apa-apa tempoh lanjutan yang boleh diberikan oleh

Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Perbadanan Labuan, dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh empat belas hari atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

Penyetujeterimaan kompaun

4. Seseorang yang menyetujui terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetujui terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua dan mengembalikan Borang 3 itu kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Perbadanan Labuan.

Pembayaran kompaun

5. (1) Seseorang yang menyetujui terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah membayar kompaun itu sama ada secara tunai, melalui kiriman wang, wang pos, cek juruwang, draf bank, kad kredit atau apa-apa pemindahan wang secara elektronik yang lain kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Perbadanan Labuan.

(2) Pembayaran di bawah perenggan (1) yang dibuat—

- (a) secara tunai hendaklah diserahkan sendiri ke alamat yang dinyatakan dalam Borang 2 Jadual Kedua;
- (b) melalui kiriman wang, wang pos, cek juruwang atau draf bank dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar ke alamat yang dinyatakan dalam Borang 2 Jadual Kedua; atau
- (c) melalui kad kredit atau apa-apa pemindahan wang secara elektronik yang lain hendaklah dibayar ke dalam akaun Perbadanan Labuan.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Perbadanan Labuan hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah perenggan (2) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

(4) Suatu resit rasmi yang dikeluarkan di bawah perenggan (3) hendaklah termasuk apa-apa resit elektronik jika pembayaran dibuat melalui kad kredit atau apa-apa pemindahan wang secara elektronik yang lain.

Jumlah wang yang akan dipungut

6. Jumlah wang yang akan dipungut oleh Perbadanan Labuan bagi mengkompaun suatu kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah tidak melebihi amaun maksima bagi denda yang diperuntukkan dalam Akta bagi kesalahan itu.

Pendakwaan boleh dimulakan jika tiada pembayaran dibuat

7. Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang ditawarkan itu dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 3(2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis lanjut.

JADUAL PERTAMA

[Perenggan 2(1)]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAN

Kesalahan yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

- (a) subseksyen 4(3);
- (b) subseksyen 9(7);
- (c) subseksyen 9(9);
- (d) subseksyen 16(3);
- (e) subseksyen 17(4);
- (f) subseksyen 29(3);
- (g) subseksyen 30(2);
- (h) subseksyen 31(2);
- (i) subseksyen 34(3);
- (j) subseksyen 38(2);
- (k) subseksyen 39(1);
- (l) subseksyen 39(2);
- (m) subseksyen 40(2);
- (n) subseksyen 41(2);
- (o) subseksyen 41(3);
- (p) subseksyen 42(3);
- (q) subseksyen 43(2);
- (r) subseksyen 44(3);
- (s) subseksyen 46(1);
- (t) subseksyen 47(1);
- (u) subseksyen 47(2);
- (v) subseksyen 52(4);
- (w) subseksyen 55(1);
- (x) subseksyen 55(4);
- (y) subseksyen 56(2);
- (z) subseksyen 57(2);
- (aa) subseksyen 58(4);

- (bb)* subseksyen 59(3);
- (cc)* subseksyen 70(11);
- (dd)* subseksyen 70(12);
- (ee)* subseksyen 70(13);
- (ff)* subseksyen 70A(9);
- (gg)* subseksyen 70B(15);
- (hh)* seksyen 71;
- (ii)* subseksyen 72(4);
- (jj)* subseksyen 73(1);
- (kk)* subseksyen 73(2);
- (ll)* subseksyen 73(3);
- (mm)* subseksyen 76(2);
- (nn)* subseksyen 78(1);
- (oo)* subseksyen 78(2);
- (pp)* subseksyen 79(4);
- (qq)* seksyen 80;
- (rr)* subseksyen 82(3);
- (ss)* subseksyen 84(2);
- (tt)* subseksyen 85(3);
- (uu)* subseksyen 85A(13);
- (vv)* subseksyen 87(5);
- (ww)* seksyen 100;
- (xx)* subseksyen 104(3);
- (yy)* subseksyen 121(1);
- (zz)* subseksyen 124(3); dan
- (aaa)* seksyen 127.

JADUAL KEDUA

[Perenggan 2(2)]

BORANG 1

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2025

KEIZINAN UNTUK MENKOMPAN KESALAHAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], saya (nama) dengan ini memberikan keizinan untuk mengkompan (nama orang yang kepadanya tawaran kompan itu dibuat) bagi kesalahan yang dilakukan di bawah yang dikatakan telah dilakukan pada (tarikh) di (tempat)

Tarikh:

.....
*Pendakwa Raya/
Timbalan Pendakwa Raya*

JADUAL KEDUA

[Perenggan 3(1)]

BORANG 2

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2025

TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Nombor rujukan :

Tarikh :

Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan
Peti Surat 81245
87022 Wilayah Persekutuan Labuan

Kepada:

.....
.....
.....

*Tuan/Puan,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda (nyatakan nama *individu/syarikat/perniagaan/badan lain) dan anda didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] dibaca bersama Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) 2010 [P.U. (A) 394/2010]/ undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta itu dengan butir-butir yang berikut:

(a) peruntukan *Akta/undang-undang kecil yang berkaitan:

.....
.....

(b) tarikh :

(c) masa :

(d) tempat :

(e) butir-butir kesalahan:

.....
.....
.....

2. Menurut Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM (Ringgit Malaysia) sahaja.

3. Sekiranya tawaran kompaun ini diterima, pembayaran boleh dibuat—

(a) secara tunai dan diserahkan sendiri;

(b) melalui kiriman wang/wang pos/cek juruwang/draf bank yang kena dibayar kepada Perbadanan Labuan dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” dan boleh diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan; atau

(c) melalui kad kredit atau apa-apa pemindahan wang secara elektronik yang lain.

4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun itu diterima.

5. Tawaran untuk mengkompaun ini sah sehingga
Jika tiada pembayaran diterima dalam tempoh tersebut, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis lanjut.

Sekian, terima kasih.

.....

Untuk dan bagi pihak Perbadanan Labuan

Nama :

Jawatan :

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

JADUAL KEDUA

[Perenggan 4]

BORANG 3

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2025

PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Kepada:

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Labuan

Peti Surat 81245

87022 Wilayah Persekutuan Labuan

Tuan,

Saya merujuk kepada Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan bertarikh

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan disertakan bersama dengan ini pembayaran dalam bentuk *wang tunai/kiriman wang/wang pos/cek juruwang/draf bank No. bagi jumlah wang sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia) sahaja sebagai penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan :

Nama (huruf besar) :

No. Kad Pengenalan :

**Untuk dan bagi pihak :

(nama *syarikat/perniagaan/badan lain*)

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (COMPOUNDING OF OFFENCES)
(FEDERAL TERRITORY OF LABUAN) BY-LAWS 2025

IN exercise of the powers conferred by section 133 of the Street, Drainage and Building Act 1974 [*Act 133*], read together with the Federal Territory of Labuan (Extension and Modification of Street, Drainage and Building Act 1974) Order 2010 [*P.U. (A) 394/2010*]), the Minister make the following by-laws:

Citation and commencement

1. (1) These by-laws may be cited as the **Street, Drainage and Building (Compounding of Offences) (Federal Territory of Labuan) By-Laws 2025**.

(2) These By-Laws come into operation on 2 May 2025.

Compoundable offences

2. (1) The offences specified in the First Schedule are prescribed as compoundable offences.

(2) The compoundable offences may be compounded with the consent of the Public Prosecutor in writing in Form 1 of the Second Schedule.

Procedure for compounding

3. (1) Upon receipt of any information or complaint that a compoundable offence has been committed, the Chief Executive Officer or any officer authorized in writing by Perbadanan Labuan, with the written consent of the Public Prosecutor, issue an offer to compound the offence in Form 2 of the Second Schedule.

(2) An offer to compound an offence shall be valid for a period of fourteen days starting from the date the offer is received by the person to whom offer is made or such extended period as the Chief Executive Officer or any officer authorized in writing by the Perbadanan Labuan may grant, and if full payment of the sum offered is made on or before the expiry of fourteen days or such extended

period granted, no further proceedings shall be taken against the person who committed such offence.

Acceptance of compound

4. A person who accepts an offer to compound a compoundable offence shall accept the offer in Form 3 of the Second Schedule and return the Form 3 to the Chief Executive Officer or any officer authorized in writing by Perbadanan Labuan.

Payment of compound

5. (1) A person who accepts an offer to compound a compoundable offence shall pay the compound either in cash, by money order, postal order, cashier's cheque, bank draft, credit card or any other electronic fund transfers to the Chief Executive Officer or any officer authorized in writing by the Perbadanan Labuan.

(2) The payment under paragraph (1) which is made—

(a) in cash shall be delivered personally to the address specified in Form 2 of the Second Schedule;

(b) by money order, postal order, cashier's cheque or bank draft crossed with the words "Account Payee Only" shall be delivered personally or sent by registered post addressed to the address specified in Form 2 of the Second Schedule; or

(c) through credit card or any other electronic fund transfer shall be paid into the Perbadanan Labuan's account.

(3) The Chief Executive Officer or any officer authorized in writing by the Perbadanan Labuan shall issue an official receipt for every payment received under paragraph (2) to the person to whom the offer to compound is made.

(4) An official receipt issued under paragraph (3) shall include any electronic receipt if the payment is made through credit card or any other electronic fund transfers.

Sum of money to be collected

6. The sum of money to be collected by the Perbadanan Labuan for compounding an offence specified in the First Schedule shall not exceed the maximum amount of fine as provided in the Act for the offence.

Prosecution may be instituted if on payment made

7. If no payment of the compound offered is made within the period specified in paragraph 3(2), prosecution may be instituted without further notice.

FIRST SCHEDULE

[Paragraph 2(1)]

COMPOUNDABLE OFFENCES

The offences as follows are prescribed to be compoundable offences:

- (a) subsection 4(3);
- (b) subsection 9(7);
- (c) subsection 9(9);
- (d) subsection 16(3);
- (e) subsection 17(4);
- (f) subsection 29(3);
- (g) subsection 30(2);
- (h) subsection 31(2);
- (i) subsection 34(3);
- (j) subsection 38(2);
- (k) subsection 39(1);
- (l) subsection 39(2);
- (m) subsection 40(2);
- (n) subsection 41(2);
- (o) subsection 41(3);
- (p) subsection 42(3);
- (q) subsection 43(2);
- (r) subsection 44(3);
- (s) subsection 46(1);
- (t) subsection 47(1);
- (u) subsection 47(2);
- (v) subsection 52(4);
- (w) subsection 55(1);
- (x) subsection 55(4);
- (y) subsection 56(2);
- (z) subsection 57(2);

- (aa)* subsection 58(4);
- (bb)* subsection 59(3);
- (cc)* subsection 70(11);
- (dd)* subsection 70(12);
- (ee)* subsection 70(13);
- (ff)* subsection 70A(9);
- (gg)* subsection 70B(15);
- (hh)* section 71;
- (ii)* subsection 72(4);
- (jj)* subsections 73(1);
- (kk)* subsection 73(2);
- (ll)* subsection 73(3);
- (mm)* subsection 76(2);
- (nn)* subsection 78(1);
- (oo)* subsection 78(2);
- (pp)* subsection 79(4);
- (qq)* section 80;
- (rr)* subsection 82(3);
- (ss)* subsection 84(2);
- (tt)* subsection 85(3);
- (uu)* subsection 85A(13);
- (vv)* subsection 87(5);
- (ww)* section 100;
- (xx)* subsection 104(3);
- (yy)* subsection 121(1);
- (zz)* subsection 124(3); and
- (aaa)* section 127.

SECOND SCHEDULE

[Paragraph 2(2)]

FORM 1

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (COMPOUNDING OF OFFENCES)
(FEDERAL TERRITORY OF LABUAN) BY-LAWS 2025

CONSENT TO COMPOUND OFFENCES

IN exercise of the powers conferred by Article 145(3) of the Federal Constitution and subsection 376(3) of the Criminal Procedure Code [Act 593], I (name) hereby give consent to compound (name of the person to whom the offer to compound is made) for the offence/offences committed under which said to be done on (date) at (place)

Date:

.....
*Public Prosecutor/
Deputy Public Prosecutor*

SECOND SCHEDULE

[Paragraph 3(1)]

FORM 2

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (COMPOUNDING OF OFFENCES)
(FEDERAL TERRITORY OF LABUAN) BY-LAWS 2025

OFFER TO COMPOUND OFFENCES

Reference number :

Date :

The Chief Executive Officer
Perbadanan Labuan
P.O. Box 81245
87022 Federal Territory of Labuan

To:
.....
.....
.....

*Sir/Madam,

An investigation has been conducted against you (state name of *individual/company/business/other body) and you are found to have committed the offence under the Street, Drainage and Building Act 1974 [Act 133] read together with the Federal Territory of Labuan (Extension and Modification of Street, Drainage and Building Act 1974) Order 2010 [P.U. (A) 394/2010]/by-laws made under the Act with the following particulars:

(a) relevant provisions of the *Act/by-laws:

.....
.....

(b) date :

(c) time :

(d) place :

(e) particulars of offence:

.....
.....
.....

2. Pursuant to Article 145(3) of the Federal Constitution and subsection 376(3) of the Criminal Procedure Code [*Act 593*], with the written consent of the Public Prosecutor, you are offered a compound for the offence stated above for the sum of RM..... (Ringgit Malaysia) only.

3. If the offer to compound is accepted, payment may be made—

(a) in cash and delivered personally;

(b) by money order/postal order/cashier’s cheque/banker’s draft made payable to the Perbadanan Labuan and crossed with the words “Account Payee Only” and may be delivered personally or sent by registered post to the Chief Executive Officer, Perbadanan Labuan, P.O. Box 81245, 87022 Federal Territory of Labuan; or

(c) through credit card or any other electronic fund transfers.

4. An official receipt shall be issued on receipt of the payment of the compound.

5. This offer to compound shall be valid until
If no payment is received within the said period, the prosecution for the offence may be instituted against you without further notice.

Thank you.

.....

For and on behalf of the Perbadanan Labuan

Name :

Designation :

**Delete whichever is inapplicable*

SECOND SCHEDULE

[Paragraph 4]

FORM 3

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (COMPOUNDING OF OFFENCES)
(FEDERAL TERRITORY OF LABUAN) BY-LAWS 2025

ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND OFFENCES

To:

The Chief Executive Officer
Perbadanan Labuan
P.O. Box 81245
87022 Federal Territory of Labuan

Sir,

I refer to the Offer to Compound Offences bearing the reference number dated

2. I admit that I have committed the offence and I accept the offer to compound and enclosed herewith is the payment in *cash/money order/postal order/cashier's cheque/banker's draft No. for the sum of RM..... (Ringgit Malaysia) only as full settlement of the sum stipulated in paragraph 2 of the Offer to Compound Offences.

Signature :

Name (in capital letter) :

Identity Card Number :

**For and on behalf of :

(name of *company/business/other body)

**Designation :

**Company seal/stamp of business or other body :

**Company Registration No./Licence No./Permit No. :

Address :

.....

.....

Date :

**Delete whichever is inapplicable*

***If applicable*

Made 14 March 2025

[KWP(S):24/PUU/698/1/2/22 Jld. 2; PN(PU2)252/XI]

DATUK SERI DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories)